

27/02/2003

Sidang kemuncak berjaya eratkan hubungan anggota

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang berakhir kelmarin bukan saja berjaya mengeratkan hubungan di kalangan

negara anggota tetapi juga hubungan dua hala di antara Malaysia dan negara

lain pergerakan 116 anggota itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ini kerana ramai pemimpin negara anggota NAM mengambil peluang mengadakan perbincangan dua

hala dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya,

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta anggota Kabinet lain.

"Negara terbabit kini lebih mengenali Malaysia serta mengetahui kemampuan negara dan mahu menjalinkan kerjasama teknikal dalam pelbagai bidang," katanya pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat rakan sejawatannya dari Peru, Allan Wagner, di Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC) semalam.

Mengenai kejayaan penganjuran sidang kemuncak itu yang diakui sendiri negara anggota dan pertubuhan lain seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Komanwel, Syed Hamid berkata Malaysia berbangga dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik walaupun ia menelan belanja besar.

Katanya, pengalaman menganjurkan persidangan sebesar itu tentunya akan digunakan Malaysia dalam penganjuran persidangan utama lain, termasuk Sidang Kemuncak OIC, Oktober depan.

"Ia pengalaman yang menakjubkan. Kita mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terbabit, termasuk media massa yang memberi liputan meluas sehingga memberi lebih kefahaman kepada orang ramai mengenai NAM," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Menteri yang juga Pengerusi semasa NAM

akan mengadakan majlis penghargaan kepada semua yang terbabit dalam menjayakan penganjuran sidang kemuncak itu malam ini.

Mengenai pertemuan beliau dengan Wagner, Syed Hamid berkata, mereka membincangkan kerjasama dalam pelbagai bidang bagi memantapkan hubungan baik sedia ada di antara Malaysia dan Peru.

Katanya, negara ketiga terbesar di benua Amerika Selatan itu berminat menjalinkan kerjasama teknikal dalam pelbagai bidang, khususnya perladangan, pertanian dan perhutanan.

"Mereka juga berminat mempelajari pengalaman kita dalam membasmi kemiskinan," katanya.

Sementara itu, Wagner berkata beliau menawarkan Malaysia menjadikan Peru

sebagai pintu masuk utama ke benua Amerika Selatan dan pada masa sama mahu menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk utama ke rantau ini.

Beliau berkata, negaranya juga menjemput sektor swasta Malaysia menjalankan perniagaan di sana, khususnya dalam bidang perladangan.

"Peru mempunyai lebih sejuta hektar kawasan hutan yang sesuai untuk penanaman kelapa sawit," katanya.